



# KENYATAAN MEDIA

## Media Release

Untuk siaran segera

### PENGGUNAAN MyCoID DALAM URUSAN CUKAI PENDAPATAN DENGAN LHDNM

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia ingin memaklumkan bahawa selaras dengan inisiatif Kerajaan ke arah mempertingkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian awam yang berdasarkan konsep mudah, cepat dan berkesan, mulai 1 Julai 2012, syarikat yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) boleh menggunakan nombor MyCoID (*Malaysia Corporate Identity*) dalam urusan cukai pendapatan dengan LHDNM.

MyCoID merujuk kepada nombor syarikat yang akan digunakan sebagai satu siri nombor rujukan tunggal untuk kegunaan pelbagai urusan pendaftaran dan urusan dengan agensi kerajaan yang berkaitan. Pada masa ini lima agensi yang menyertai ialah Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Perbadanan Sumber Manusia Berhad (PSMB), Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) dan SME Corp. Malaysia.

Pembentukan dan pendaftaran syarikat dengan agensi kerajaan yang mengambil bahagian boleh dilakukan secara serentak melalui medium elektronik MyCoID. Inisiatif baru ini membolehkan urusan perniagaan dilakukan dalam masa satu hari. Sebarang maklumat lanjut sila layari [www.ssm-mycoid.com.my](http://www.ssm-mycoid.com.my).

**SEKIAN, TERIMA KASIH**

# # #

Dikeluarkan oleh	:	Nor Azirah Mohd Said Pengarah Bahagian Komunikasi Korporat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
Tarikh	:	19 Jun 2012
Nombor Telefon	:	03-8313 8838
Nombor Faks	:	03-8313 7835
Pusat Khidmat Pelanggan	:	1-300-88-3010

[www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)